

**Ucapan Belanjawan 2012 Turut Disiarkan Secara Langsung Melalui Portal
Perbendaharaan Malaysia
Bernama
4 Oktober, 2011**

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Ucapan Pembentangan Belanjawan 2012 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Menteri Kewangan di Parlimen Jumaat ini akan disiarkan secara langsung menerusi stesen televisyen tempatan dan portal Perbendaharaan Malaysia.

Kenyataan Kementerian Kewangan Selasa menyebut ia adalah bagi memudahkan pengguna internet mengikuti siaran langsung ucapan berkenaan yang bermula 4 petang.

Siaran langsung ucapan itu boleh didapati dalam dua versi iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan melayari portal Perbendaharaan Malaysia di <http://www.treasury.gov.my>.

Teks ucapan belanjawan 2012 dan Laporan Ekonomi 2011/2012 juga boleh dimuat turun dari portal berkenaan sejam selepas Perdana Menteri membentangkan belanjawan.

Menurut kenyataan itu lagi, ucapan Belanjawan 2012 juga boleh diakses melalui mobile web <http://www.treasury.gov.my/bajetmobile>, pautan RSS di <http://www.treasury.gov.my> dan pautan menerusi laman web agensi di bawah Kementerian Kewangan seperti Kastam DiRaja Malaysia, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617717>